

26/07/2002

Sokongan rakyat terhadap BN semakin meningkat

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

BARISAN Nasional (BN) gagal merampas kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit pada pilihan raya kecil kawasan itu minggu lalu. Tetapi adakah BN sebenarnya tewas?

Di atas kertas memang calon BN, Datuk Zakaria Said, tewas dengan majoriti 508 undi. Beliau mendapat 7,790 undi berbanding calon Pas, Amiruddin Hamzah, yang memperoleh 8,298 undi.

Bagaimanapun, secara keseluruhan peratusan undi BN meningkat lima peratus kepada 48 peratus berbanding 43 peratus pada pilihan raya umum 1999. Peratusan undi Pas pula merosot lima peratus daripada 56 peratus kepada 51 peratus.

Daripada 16,215 kertas undi yang diterima, Zakaria mendapat 7,790 undi, manakala Amiruddin 8,298 undi. Undi rosak pula 127, manakala lima kertas undi tidak dikembalikan.

Pada 1999, calon BN yang tewas, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin, mendapat 6,640 undi, berbanding Presiden Pas, Allahyarham Datuk Fadzil Noor, 8,480 undi. Jumlah pengundi yang keluar mengundi ketika itu ialah 15,350 tanpa ada kertas undi yang ditolak atau tidak dikembalikan.

Berdasarkan statistik berkenaan, sokongan kepada BN sebenarnya meningkat walaupun kalah dan ia seharusnya memberi sedikit kelegaan.

Pencapaian BN juga dianggap cemerlang kerana Umno hanya mempunyai 6,224 ahli di 44 cawangan tetapi BN berjaya memperoleh 7,790 undi. Sudah tentu, sebahagian daripada undi yang diperolehi adalah daripada ahli parti komponen dan pengundi atas pagar yang memilih BN.

Tambahan pula BN berjaya menambah penguasaan daerah mengundi daripada enam pada 1999 kepada tujuh kali ini. Daerah mengundi yang berjaya ditembusi ialah Kampung Anak Bukit apabila undi BN meningkat daripada 238 undi kepada 279, berbanding Pas yang merosot daripada 252 kepada 235 undi.

Selain itu, walaupun kalah di sembilan daerah mengundi lain, BN berjaya meningkatkan undi di semua 16 daerah mengundi, termasuk di kubu kuat Pas di Padang Hang, Alor Madi, Kota Rentang, Kubang Tedoh, Kubang Raja, Suka Menanti dan Chegar.

Di Padang Hang, misalnya, undi BN meningkat daripada 201 kepada 239, Alor Madi (135 kepada 201), Kota Rentang (239 kepada 265), Kubang Tedoh (353 kepada 396), Kubang Raja (274 kepada 317), Suka Menanti (467 kepada 578) dan Chegar (172 kepada 212).

Di kawasan yang sememangnya milik BN pula, sokongan meningkat agak tinggi. Di Gunong, undi BN bertambah daripada 722 kepada 865, Padang Lalang (1,098 kepada 1,252), Sungai Baru (479 kepada 573), Taman Aman (535 kepada 718), Pekan Anak Bukit (554 kepada 604) dan Pantai Johor (428 kepada 478).

Undi Pas pula merosot di 10 daerah mengundi, iaitu Kota Rentang, Kubang Raja, Padang Lalang, Sungai Baru, Alor Melintang, Alor Madi, Pekan Anak Bukit, Kampung Anak Bukit, Suka Menanti dan Pantai Johor.

Kawasan yang undi Pas bertambah ialah Permatang Kong, Kubang Tedoh, Padang Hang, Gunong, Chegar dan Taman Aman.

Peningkatannya tidak banyak. Di Permatang Kong, undi Pas bertambah tiga undi saja daripada 582 kepada 585, Kubang Tedoh (799 kepada 817), Padang Hang (895 kepada 933), Gunong (676 kepada 684), Chegar (362 kepada 371) dan Taman Aman (271 kepada 304).

Walaupun tidak banyak, Pas berjaya menambah undi di kawasan yang dimenangi BN, iaitu Gunong dan Taman Aman serta meraih undi tambahan di

kawasan tradisinya, termasuk Padang Hang, Kubang Tedoh dan Chegar.

Justeru, saingan di antara BN dan Pas atau Umno dan Pas agak seimbang walaupun BN gagal merampas semula Anak Bukit, sekali gus gagal mencapai majoriti dua pertiga dalam DUN Kedah.

Berikutan itu, pada pilihan raya akan datang, kedua-dua pihak akan bertungkus-lumus berdasarkan statistik kali ini untuk merangka strategi bagi mencipta kemenangan.

Kedua-dua parti pastinya tidak boleh leka, sebaliknya perlu menggandakan usaha untuk menang.

Seperti diketahui, Pas tidak pernah leka walaupun gembira meraikan kemenangan manakala BN pula tidak seharusnya meratapi kekalahan, sebaliknya perlu merangka strategi dari sekarang untuk membuat percubaan kedua merampas semula kerusi itu daripada Pas.

Dalam hal ini, Umno Kedah perlu merangka perancangan mulai sekarang, bukan saja di Anak Bukit, malah di semua 35 lagi kawasan DUN, khususnya 12 yang dikuasai Pas dan satu milik Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

Di Pendang, kejayaan Datuk Othman Abdul walaupun menewaskan Dr Mohd Hayati Othman dengan hanya majoriti 283 undi, adalah tamparan kepada Pas dan pemangkin semangat kepada BN bagi menghadapi pilihan raya akan datang.

Ia dianggap cemerlang kerana saingan yang terpaksa dihadapi BN berikutan cabaran hebat Pas yang bermati-matian mempertahankan kerusi yang dimenangi Fadzil buat kali pertama pada 1999.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengakui saingan di Pendang memang sukar kerana beliau sendiri pernah kalah pada 1964 kepada calon Pas yang ketika itu dikenali sebagai Kota Star Selatan.

Othman, bekas Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, mendapat 22,825 undi, manakala lawannya memperoleh 22,542 undi. Pada 1999, Fadzil menewaskan Othman yang mewakili kerusi itu sejak memenangnya pada pilihan raya kecil 1983 (ketika itu dikenali sebagai Hulu Muda) dengan majoriti 2,939 undi.

Undi Othman meningkat 3,351 undi daripada 19,474 pada 1999, berbanding Pas hanya 129 undi daripada 22,413 undi. Daripada 45,713 yang keluar mengundi, 50 peratus memberikan undi kepada BN, manakala Pas 49 peratus dan satu peratus undi rosak dan tidak dikembalikan.

Peratusan undi BN bertambah daripada 46 peratus manakala Pas menurun daripada 52 peratus berbanding 1999.

Ia bermakna, pengundi yang tidak mengundi BN pada pilihan raya umum lalu, kali ini memberikan sokongan kepada Othman. Selain itu, pengundi bukan Melayu memberi sokongan padu kepada BN, sekali gus menunjukkan mereka tetap berpendapat BN adalah parti terbaik untuk mewakili mereka.

Daripada 44 daerah mengundi, BN berjaya menang di 25 kawasan, meningkat daripada 22 daerah mengundi pada 1999. Pas pula merosot kepada 19 kawasan berbanding 22 sebelum ini.

Selain itu, BN berjaya menembusi kubu kuat Pas di DUN Bukit Raya yang dimenangi pembangkang sejak era Fadzil pada beberapa kali pilihan raya walaupun masih sukar menembusi daerah mengundi Guar Kepayang dan Bukit Raya.

BN menang di Sri Puduk dan Pekan Pendang yang sebelum ini dimenangi Pas. Di Sri Puduk, BN mendapat 326 undi berbanding 288 pada 1999. Di Pekan Pendang pula, BN menambah undi daripada 564 kepada 611 manakala Pas menurun daripada 675 kepada 655 undi.

BN juga mengekalkan penguasaan di DUN Sungai Tiang yang memang dimilikinya sejak sekian lama yang sebelum ini dikenali sebagai DUN Ayer Puteh. Daripada 22 peti undi, BN menguasai 18 kawasan berbanding Pas empat kawasan.

Keseluruhannya, walaupun kalah di Anak Bukit dan merampas semula Pendang, BN mempunyai misi besar pada pilihan raya umum akan datang kerana

keputusan kali ini bakal menjadi panduan kepada kedua-dua parti berentap di Kedah.

Kenyataan Dr Mahathir baru-baru ini bahawa kekalahan di Anak Bukit bukan akibat perpecahan dalam Umno Kedah perlu dibuktikan kerana jika pun bukan perpecahan di peringkat negeri, ada beberapa bahagian menghadapi masalah dalaman yang sebenarnya terlalu remeh.

Kekalahan di Anak Bukit yang dikatakan berpunca daripada keretakan Umno bahagian Kuala Kedah sehingga menyukarkan pemilihan calon perlu diatasi jika Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, yang juga ketua bahagian itu mahu mempertahankan Kedah daripada dirampas Pas yang menjadikan Kedah sebagai negeri ketiga selepas Kelantan dan Terengganu.

Begitu juga di DUN dan bahagian lain yang pada masa ini lapan daripada kawasan Parlimen dikuasai oleh Pas.

Tambahan pula di Kedah, Pas mempunyai ramai pemimpin peringkat pusat, seperti Ketua Pemuda, Mahfuz Omar, di Pokok Sena, Ahli Jawatankuasa Pusat, Mohamad Sabu, di Kuala Kedah; Setiausaha Agungnya, Nasharuddin Md Isa, di Yan; Taib Azzamuddin Muhd Taib di Baling dan Datuk Shahnon Ahmad di Sik.

Ketiadaan Fadzil pada pilihan raya akan datang mungkin melegakan BN negeri tetapi seperti yang diketahui, Pas mungkin meletakkan tokoh import untuk meraih sokongan rakyat Kedah yang secara tradisinya terdiri daripada pengundi yang cenderung kepada tokoh agama.

Syed Razak juga pasti menyedari bahawa walaupun BN memberi tumpuan keseluruhan jentera parti di Anak Bukit dan Pendang sepanjang 10 hari sejak penamaan calon pada 10 Julai lalu, Pas masih mampu memberikan saingan sehingga BN hanya mampu mencapai majoriti tipis di Pendang.

Pada pilihan raya umum, pasti jentera seumpama itu tidak dapat ditumpukan di Kedah. Begitu juga Pas yang terpaksa mengagihkan jentera ke seluruh negara. Jentera pada ketika itu adalah jentera tempatan yang pastinya perlu lebih gigih bagi mencapai kejayaan.

Justeru, pendapat Dr Mahathir mengenai usaha yang kurang bersungguh-sungguh di Anak Bukit sebagai punca kegagalan harus dijadikan iktibar.

Usaha memperkasakan Umno negeri perlu dijadikan agenda utama bagi menghalang hasrat Pas mengambil alih tampuk pemerintahan negeri Kedah.

Mengharapkan undi bukan Melayu saja tidak memadai kerana majoriti pengundi di Kedah adalah Melayu.

Tambahan pula, kekalahan di Lunas sebelum ini adalah salah satu petanda bahawa pembangkang juga mampu melakukan kejutan di kawasan bandar yang komposisi pengundi Melayu dan bukan Melayu tidak jauh perbezaannya.